



# TEKS UCAPAN PRESIDEN ANGKASA YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH

**SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI  
PERJANJIAN PERSEFAHAMAN DI  
ANTARA  
KOPERASI AL-FALAH MALAYSIA  
BERHAD DAN AUTOBACS SEVEN JAPAN**

**19 MEI 2023 | 9.00 PAGI  
AUDITORIUM ANGKASA KELANA JAYA**

Terima kasih Saudara/Saudari  
pengacara majlis,  
(Salutasi)

Assalamulaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh Salam Malaysia  
Madani dan Salam Koperasi

## **Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian**

1. Syukur ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan rahmatNya, majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara KopFalah dan Autobacs Seven Japan dapat dilaksanakan pada pagi ini. Saya ingin

mengucapkan selamat datang ke ANGKASA kepada rombongan daripada Jepun yang diketuai oleh Mr Toshio Kitamura *head of Autobacs Oversea Department japan* dan delegasinya, serta Miss Patricia CEO Autobacs Malaysia.

2. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Puan Norhayati Binti Nayan, Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Selangor atas kesudian untuk hadir bersama kita pada harini ini. SKM sememangnya merupakan salah satu agensi yang telah banyak membantu ANGKASA dan juga koperasi untuk

terus menjadi tonggak kepada kesejahteraan hidup masyarakat. Semoga jalinan kerjasama antara ANGKASA dan SKM akan terus diperkuuh demi kecemerlangan berterusan gerakan koperasi negara.

3. Di kesempatan ini juga, saya mewakili Angkatan Koperasi

Kebangsaan Malaysia Berhad mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada wakil-wakil syarikat atau pemain-pemain di dalam industri automotif yang sudi hadir bagi memeriahkan majlis pada pagi ini.

4. Sesungguhnya kehadiran anda semua amat bermakna kerana sokongan daripada semua dapat melonjakkan lagi perniagaan dimiliki oleh koperasi serta dapat mempertingkatkan jalinan gerakan koperasi dengan syarikat-syarikat menerusi jaringan strategik perniagaan.

## **Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian**

5. Majlis MOU ini merupakan permulaan kepada kerjasama antara KopFalah dan Autobacs Seven Japan dalam bidang automotif, dimana Autobacs Seven Japan telah melantik KopFalah sebagai “Exclusive

*Authorised Dealer” yang meliputi skop pusat perkhidmatan servis, kedai eksesori kereta dan penjualan kereta import.*

6. ANGKASA juga akan membantu dalam membentuk rantaian nilai kerjasama melalui penglibatan koperasi yang terlibat dalam sektor

automatif bagi mewujudkan ekosistem yang teratur dan sistematik.

7. Maklumat daripada MARKET INTELLIGENCE menunjukkan pasaran kereta terpakai di Malaysia bernilai USD 25.14 Bilion pada 2021, dan ia dijangka mencapai nilai USD 35.25 Bilion menjelang 2027, mencatatkan

CAGR (Compound Annual Growth) sebanyak 5.4% dalam tempoh ramalan (2022 - 2027). Selain daripada itu, Unit kereta JDM yang dieksport ke Malaysia secara 10 tahun dengan jumlah eksport JDM yang telah meningkat 175% daripada 20 ribu unit pada 2018 (sebelum Pandemik) kepada 35 ribu unit pada 2022. Data ini

menunjukkan dan membuktikan trend peningkatan yang ketara di pasaran malaysia.

## **Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian**

8. ANGKASA amat menyambut baik dan menyokong usahasama KopFalah

dan juga Autobacs Seven Japan dalam membangunkan industri automotif yang lebih kompeten dan berdaya saing dalam mendepani kegiatan ekonomi berteraskan automotif sekaligus dapat memainkan peranan yang penting serta berpotensi untuk menggerakan koperasi agar terus berkembang

dalam bidang automotif seterusnya dapat memenuhi tuntutan ekonomi negara.

9. Justeru, program seperti ini perlu disokong oleh semua pihak yang berkepentingan dalam gerakan koperasi berteraskan automotif untuk turut serta agar rantai perniagaan

berunsurkan automotif ini dapat dilaksanakan secara berperingkat dari semasa ke semasa dengan lebih teratur dan sistematik.

10. Besarlah harapan saya agar bilangan peningkatan koperasi yang turut serta akan bertambah untuk tahun-tahun yang mendatang

seterusnya projek ini mampu mencipta dan mencapai kejayaan, kerana kejayaan koperasi adalah kejayaan ANGKASA.

11. Mengakhiri ucapan, saya amat berharap pemeteraian MoU ini akan merancakkan lagi bidang-bidang kerjasama yang telah disebut tadi di

antara dua organisasi, di samping menjana bidang kerjasama yang baru yang dapat memberi impak dan manfaat kepada melahirkan koperasi-koperasi yang berdaya saing dan berkemahiran tinggi dalam bidang automotif yang akhirnya dapat membangunkan perniagaan koperasi dengan jayanya.

Sekian daripada saya,  
Assalamualaikum w.b.t dan terima  
kasih.